

Menerusi pelaksanaan 17 projek permulaan (EPP) di bawah Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA), kerajaan menyasarkan impak pendapatan kasar negara sebanyak RM28.9 bilion dengan menyediakan 74,600 peluang pekerjaan.

RM700j laksana 17 EPP



NOH Omar menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara syarikat Blue Archipelago Berhad dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang diwakili Ketua Setiausahanya, Datuk Mohd. Hashim Abdullah (kiri) selepas majlis penerangan NKEA Pertanian.

MENTERI Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar berkata, lebih RM700 juta diperuntukkan untuk membangunkan 17 Projek Permulaan (EPP) yang mana RM179.05 juta adalah sebahagian daripada Bajet 2011 manakala kira-kira RM562.08 juta adalah peruntukan bajet tahun ini.

"Tahun ini, terdapat tambahan 14 syarikat baru yang menyertai projek EPP sama ada sebagai syarikat peneraju atau usaha sama. Setakat ini, sebanyak 83 buah syarikat terlibat dalam mengerakkan projek tersebut," katanya ketika memberi penerangan terkini NKEA Pertanian 2012 di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Penyertaan syarikat-syarikat ini, katanya, menyumbang Pendapatan Negara Kasar (GNI) lebih daripada RM5 bilion dan mewujudkan 23,533 peluang pekerjaan manakala komitmen pelaburan swasta

mencecah RM2.69 bilion pada akhir tahun 2020.

Beliau memberikan contoh Syarikat Peneraju Blue Archipelago Berhad di bawah EPP6 iaitu Replikasi iZAQ yang melaksanakan projek akuakultur untuk penetasan atau *hatchery*, dijangka menyumbang sebanyak RM52 juta kepada GNI pada tahun 2020, dengan komitmen pelaburan swasta berjumlah RM25.26 juta.

Sementara itu, syarikat Duria Resources Sdn. Bhd. yang merupakan Syarikat Penyertaan dilantik di bawah EPP8: Taman Pengeluaran Makanan, mempunyai lebih daripada lima tahun pengalaman dalam penyediaan, pemprosesan dan pemasaran produk berasaskan durian.

Dengan bantuan dan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Syarikat Duria berjaya membuat satu pusat pengumpulan durian di Pusat Tangkak, seterusnya di Jerantut dan Batu Kurau.

Selain itu, Syarikat ini telah berjaya melancarkan dan mengedarkan produk Durian Tempura popular secara komersial untuk pasaran tempatan dan eksport.

Menjelang tahun 2020, dijangkakan sasaran terkumpul GNI sebanyak RM605.8 juta akan dicapai, dengan tambahan peluang pekerjaan sebanyak 1,551. Manakala komitmen pelaburan swasta adalah sebanyak RM580 juta.

"Di bawah EPP9: Penanaman Beras Wangi untuk Luar Kawasan Pengairan, penanaman beras wangi MRQ76 akan dilaksanakan di Kelantan dan Terengganu dengan sasaran keluasan kawasan 3,400 hektar. Ini melibatkan seramai 1,615 orang petani di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)," ujar beliau.

Bagi projek di bawah EPP 13: Kluster Tenusu, dan Sesi Penyerahan Input Kluster Tenusu Sabah melibatkan 90 penternak tenusu yang aktif di bawah Persatuan Penternak Tenusu Sabah dan kebanyakannya dari Keningau dan Tenom selain Kudat, Kota Marudu, Tuaran, Kota Belud, Papar, Bongawan, Membakut, Beaufort, Menumbok, Penampang, Ranau dan Tawau.

Menurut beliau, bagi melonjakkan bidang pertanian, kementerian membuat penambahan EPP dalam NKEA Pertanian iaitu EPP 17: Program Pasar Komuniti atau PAKAR bagi memodenkan dan menyatukan Pasar Tani, Pasar Malam, Pasar Minggu dan Pasar Tamu di bawah satu bumbung secara berskala besar yang di panggil Pasar Komuniti (PAKAR).

"Menerusi EPP 17 ini, ia akan menyediakan 1,000 tempat berniaga berkonepkan moden dan mementingkan faktor kebersihan menjelang tahun 2020 sekali gus membuka peluang keusahawanan kepada 140,950 orang. Ini menyumbang kepada GNI sebanyak RM8.8 bilion.

Sehingga hujung tahun ini, katanya, PAKAR menyasarkan tujuh lokasi siap dibina dan beroperasi di

Manjung, Perak; Mersing, Johor; Kota Belud, Sabah; Bera, Pahang; Jengka dan Pekan, Pahang serta Paroi, Negeri Sembilan.